

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 FEBRUARY 2017

# Anwar dakwa ada yang tidak suka beliau

UM - 21/2/2017

**KUALA LUMPUR 20 Feb.** - Bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendakwa, ketika dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, ada kumpulan tertentu yang tidak menyenangi-nya kerana menganggap beliau merupakan ancaman kepada pemimpin kanan UMNO.

Bahkan dakwanya, ada dalam kalangan mereka yang memberi 'amaran' kepada Perdana Menteri ketika itu bahawa beliau

sedang merancang untuk menjatuhkan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Walhal dakwa bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh itu, beliau tidak pernah merancang untuk menggulingkan Dr. Mahathir pada 1998 sebaliknya beliau yang digulingkan.

Perkara tersebut, menurut Anwar, 69, telah didedahkan sendiri oleh bekas pemimpin veteran itu di dalam bukunya berjudul, *A*

*Doctor in the House: The Memoirs of Tun Dr. Mahathir Mohamad.*

Mengakui beliau telah membaca buku tersebut, Anwar menyatakan, sebenarnya dalam bab 31 buku itu tiada menyebut yang beliau merancang untuk menjatuhkan pemimpin berkenaan.

Anwar yang memberikan keterangan di Mahkamah Tinggi di sini hari ini mendakwa, terdapat kumpulan yang tidak menyukai

dirinya yang diketuai oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Bekas Ketua Pembangkang itu menyatakan demikian pada perbicaraan kes saman fitnah RM100 juta terhadap Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin yang didakwa mengeluarkan kata-kata berbaur fitnah dalam satu ceramah politik semasa kempen pilihan raya Lembah Pantai pada tahun 2008.